

# Karya seni contengan bantu badan kebajikan

Dr Rohaya jadikan hobi melukis doodle satu cara kurangkan stres

Oleh Azhar Shahrulnizam  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kesibukan kerjaya sebagai doktor perubatan yang sentiasa menerima dan merawat pesakit, tidak menghalang wanita profesional ini untuk mengembangkan minat seni, selain turut menyumbangkan hasil jualan lukisannya kepada badan kebajikan.

Pegawai perubatan, Dr Rohaya Ramli, 56, berkata beliau memilih untuk menghasilkan seni contengan atau *doodle* yang dilihat lebih mudah untuk dihasilkan.

Katanya, tahun ini sebanyak 6,000 unit kalendar berjaya dijual yang mengandungi lakaran *doodle* motif tertentu dan sebahagian hasilnya disumbangkan kepada Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM).

Selain itu, tahun lalu, beliau juga menghasilkan 5,000 unit kalendar yang sebahagian hasil jualan itu juga didermakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), iaitu Pusat Kebajikan Permata Istimewa Gem and Bread (G&B).

"Persatuan G&B ini terbabit

dalam membantu kanak-kanak istimewa mengasah kebolehan mereka supaya mampu berdikari, selain dilatih menghasilkan pabri dan perhiasan pakaian.

"Saya juga merancang memperluaskan sumbangan hasil lukisannya kepada badan kebajikan lain yang berkaitan bidang perubatan, pada masa depan.

"Saya seorang doktor, jadi golongan sasaran yang saya akan cuba bantu adalah persatuan perubatan seperti Yayasan Buah Pinggang dan juga Persatuan Klef Bibir," katanya ditemui baru-baru ini.

## Isi masa lapang ketika PKP

Bercerita lanjut, Dr Rohaya berkata, kerja menghasilkan *doodle* ini dilakukan lebih aktif sejak bermula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai satu daripada aktiviti mengisi masa lapang.

"Saya memang suka melukis sejak kecil dan terus dipupuk sehingga sekarang. Masa melukis dilakukan ketika ada masa terluang.

"Jika saya menghasilkan seni menggunakan cat air sekeliling saya akan menjadi berselerak dan akan kotor jika dilakukan di pejabat.

"Saya buat keputusan untuk hasilkan *doodle* di rumah. Saya mula menonton video di YouTube untuk melihat dan mengikut langkah menghasilkan seni *doodle*," katanya.

Menurut Dr Rohaya lukisan doodle ini adalah satu contengan

yang dilukiskan berlandaskan apa yang terlintas di minda dan diterjemahkan di atas kertas.

Keunikan lakaran Dr Rohaya adalah hasil gabungan dua unsur, iaitu seni zentangle dan mandala untuk mencipta *doodle* yang lebih berstruktur.

"Melalui seni zentangle ini, saya akan melukis rangka lukisan terlebih dahulu, kemudian saya akan memenuhi ruang dalam lukisan menggunakan corak geometri selari dengan seni zentangle.

"Mandala pula adalah seni abstrak yang kompleks. Secara asasnya seni ini dalam bentuk bulat, tetapi saya tidak akan memasukkan bulatan seni mandala sepenuhnya sebaliknya hanya memuatkan suku atau separuh bulatan," katanya.

Beliau berkata, selain sebagai hobi untuk mengisi masa lapang, melukis *doodle* satu cara untuk mengurangkan stres.

"Justeru, pada 2020, saya memulakan draf untuk menerbitkan kalendar untuk 2021 dan memulakan inisiatif ini selepas mendapati ia lebih mudah untuk dilihat apabila diletakkan diletakkan di atas meja dan untuk menulis nota.

"Lukisan dimuatkan dalam kalendar beliau adalah mengikut tema tahunan dan juga bulanan.

"Contohnya tahun lalu adalah tahun lembu, saya melukis *doodle* lembu untuk diletakkan dalam kalendar dihasilkan," katanya.

Beliau juga menerima tempa-



Dr Rohaya menunjukkan sebahagian hasil karya seni contengan ketika ditemui di Klinik Bakti, Balai Berita. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

han untuk menghasilkan seni *doodle* yang rata-rata mereka membeli untuk dijadikan sebagai hadiah.

## Koleksi eksklusif

"Saya tidak mempunyai niat untuk menjual seni *doodle*, tetapi kalau ada pembeli saya akan menjualnya," katanya.

Semua lukisan itu hanya satu dan tidak dicetak bagi memastikan pemiliknya mempunyai koleksi eksklusif.

Menurut Dr Rohaya, lukisan *doodle* ini tidak sukar untuk dihasilkan, terutama dengan kewujudan teknologi berkaitan.

"Saya tidak perlu menggunakan cat air untuk mewarnakan *doodle*. Sekarang kita boleh gu-

nakan aplikasi dalam telefon pintar untuk menambahkan warna kepada lukisan hitam putih yang dihasilkan.

"Apabila mencetaknya, seni yang kita lihat di dalam telefon akan muncul pada kertas," katanya.

Dr Rohaya berkata, melukis boleh menjadi satu terapi untuk sesetengah pesakit yang mempunyai masalah kesihatan mental.

"Secara amnya melukis sebagai terapi yang bagus untuk individu yang mempunyai masalah kesihatan mental, contohnya individu autistik dan juga menghidap Kecelaruhan Hiperaktif, Kurang Daya Tumpuan (ADHD). Ini adalah satu cara menenangkan minda mereka," katanya.